

PENYELIDIKAN DALAM PENGAJIAN ISLAM ERA KONTEMPORARI : HARAPAN & HALA TUJU.

Prof. Dr Badlihisyam Mohd Nasir,
Fakulti Tamadun Islam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor.
Telefon: 07-5557664
Email: badlihisyam@utm.my

Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim,
Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali &
Mohammad Reeza Bin Hasnan
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Lembah Pantai 50603, Kuala Lumpur.
Telefon : 03-79676080/ 012-3192177.
Email : faqir_ila_rabbih@um.edu.my

1. Pengenalan

Islam adalah agama yang sangat mementingkan ilmu mengatasi agama-agama dunia yang lain. Ilmu dan penyelidikan adalah sinonim dalam Islam yang sangat dituntut hingga mencapai tahap fardu ain. Dalam memberi kupasan terhadap tamadun Islam, Dr Yusof Qardawi menyatakan jatuh bangunnya tamadun Islam bergantung kepada dua term utama; jihad dan ijtihad. Jika jihad diperlukan untuk membangunkan tamadun dan mempertahankannya daripada ancaman musuh, ijtihad - penyelidikan dalam bidang intelektual merupakan syarat utama bagi memastikan tamadun Islam dapat bertahan lama.¹

Dalam sejarah tamadun Islam, kegiatan ijtihad - penyelidikan ini diusahakan oleh serangkaian *Intellectual Circle* (pengasas Mazhab Islam) yang awal melalui beberapa aktiviti utama;²

1. Memahami kandungan Quran dan Sunah bagi digunakan dalam kehidupan. Pelbagai term ilmu telah dikaji untuk diamalkan oleh umat Islam. Term ini antara lainnya seperti Tauhid, iman, ilmu, akhirat, Rasullulah, ahklak, syariah.

¹ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), “ Islam Hadhari Sebagai Wahana Ilmu Untuk Kecemerlangan Umat Islam Di Malaysia “, dalam *Risalah Khas Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1427 H*, Putrajaya : JAKIM, 2006, 1-41.

² Mohd Kamil Abdul Majid (2009) “ Pemikiran Imam Al-Ghazali Dalam Bidang Fiqh Dan Usul Al-Fiqh : Kesenambungan Dan Pembaharuan “, (Edit) Osman Bakar, *Sumbangan keilmuan Imam Ghazali*, Kuala Lumpur.

2. memahami dan membangun world-view Islam yang diterapkan dalam kehidupan dan kegiatan ilmu. Ia telah menghasilkan pelbagai disiplin ilmu dengan kerangka metodologinya yang khusus. Hal ini secara langsung menolak dakwaan orientalis barat yang mendakwa kebanyakan disiplin ilmu Islam diambil daripada tamadun luar.
3. mengkaji unsur-unsur luar dan menyaringnya dengan world-view Islam bagi dijalankan dalam kehidupan. Hal ini telah melahirkan ilmu sains Islam dalam pelbagai bidang.
4. menyediakan metodologi dan prinsip terpenting bagi tujuan penghayatan dan penyelesaian masalah umat Islam. Sebagai contohnya penghayatan hidup Islam perlu didasarkan kepada prinsip Tauhid, rationalistic, budaya ilmu, societal (mementingkan kepedulian social) dan world affirmative (dunia sebagai tempat berguna). Contoh lain adalah penyusunan ilmu usul fiqh sebagai cara untuk mengatur bagaimana menyelesaikan masalah umat Islam dapat dijalankan.

Ringkasnya, aktiviti ijtihad-penyelidikan ini adalah ruh gerakan dalam Islam yang perlu sentiasa dihidupkan. Andainya kegiatan ini terhenti tamadun Islam akan mengalami kemunduran yang memungkinkan ia dijajah oleh pengaruh asing.

2. Realiti Penyelidikan dalam IPTA Umat Islam Semasa.

Selepas merdeka status penyelidikan di IPT umat Islam telah menjadi semakin berkembang pesat mengatasi zaman sebelumnya. Dalam era 1960an hingga 1980an, sebagai lanjutan dari gerakan *Islah* golongan reformis Islam³, telah muncul gerakan kebangkitan Islam baru yang didokongi oleh semua pihak merangkumi golongan ulamak dan juga pemuda.⁴ Dalam intipati gerakan kebangkitan Islam ini tiga perkara utama telah ditekankan, *pertama*, kesungguhan dan usaha menghidupkan Islam sebagai al-Din mengantikan perspektif sekular yang membataskan agama kepada persoalan keagamaan semata-mata.⁵ *Kedua*, kritikan terhadap kelemahan umat Islam yang dikatakan berpunca dari penerimaan membuta tuli terhadap warisan tinggalan barat,⁶ dan *ketiganya*, kritikan sendiri (self criticism) terhadap kelemahan ummah yang berpunca dari tindakan meninggalkan ajaran Islam dan mengamalkan budaya Taqlid.⁷

Berasaskan ketiga-tiga intipati ini, kemudiannya telah menimbulkan kesedaran untuk menghidupkan pengamalan Islam bukan setakat peningkatan semangat yang berkobar-kobar, bahkan turut membabitkan usaha menghidupkan budaya ilmu di kalangan penganut Islam yang antara lainnya membabitkan kesedaran menghidupkan

³ Rahimin Affandi Abd. Rahim (1998), “Gerakan Tajdid D Malaysia : Teori Dan Realiti”, dalam (edi) Mahmood Zuhdi abd Majid, *Dinamisme pengajian syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 94.

⁴ Ibid.

⁵ Muhammad Kamal Hasan (1996) *Toward Actualizing Islamic Ethical And Educational Principles In Malaysia*, Kuala Lumpur : ABIM, h. 75-86.

⁶ Muhammad Abu Bakar (1987), *Penghayatan Sebuah Ideal*, Kuala Lumpur, h. 9-11.

⁷ Ibid, h. 15-19.

gagasan intelektual Islam bentuk baru.⁸ Dalam soal ini, dua bentuk kesedaran telah timbul, **pertamanya**, usaha pembetulan yang perlu dibuat terhadap segala kekeliruan yang dinisbahkan kepada Islam oleh sarjana barat, dan **keduanya**, usaha pembentukan falsafah, misi dan kaedah penyelidikan Islam mengantikan pendekatan silam yang dikatakan agak mundur yang mengakibatkan kelemahan intelektual dan politik melanda umat Islam.⁹

Selaras dengan kemerdekaan yang telah dicapai oleh Tanah Melayu, beberapa orang sarjana Melayu post kemerdekaan dengan pertimbangan nasionalisme telah melakukan review¹⁰ dan pembetulan¹¹ terhadap warisan sistem dan pendekatan penyelidikan ala barat.¹² Pendekatan ini kemudiannya telah terpengaruh dengan kesedaran kebangkitan Islam era 1970an yang memasukkan pendekatan Islam yang mengkritik kelemahan sistem pengajian Islam lama dan beberapa usaha reformasi memperbaiki kelemahan ini telah ditekankan,¹³ khususnya membabitkan tiga buah universiti di Malaysia iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.¹⁴

Dalam bentuk kesedaran yang pertama ini, sarjana Islam telah mengusahakan beberapa perkara yang penting, antaranya seperti¹⁵ :-

1. Menunjukkan Islam sebagai relevan dan mampu menyediakan jawapan terbaik untuk permasalahan manusia di zaman moden.
2. Memperbetulkan segala nisbah keburukan yang dikaitkan kepada Islam.
3. Menunjukkan kelemahan dan kepincangan yang dimiliki oleh tradisi keilmuan barat.
4. Mengaitkan dan menghubungkan pengajian keilmuan Islam dengan keilmuan moden..

⁸ Muhammad Kamal Hassan, *Toward actualizing*, h. 56-57 dan 93-97.

⁹ Usaha yang menggunakan pendekatan ini boleh dilihat dalam Muhammad Mumtaz Ali (1996), *Conceptual And Methodological Issues In Islamic Research : A Few Milestone*, Kuala Lumpur :DBP.

¹⁰ Sebagai contohnya, proses penilaian semula (reviewing) telah dilakukan kepada disiplin sejarah (lihat Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Malaysia : Pentafsiran Dan Penulisan*, Bangi, 1992), Antropologi dan Sosiologi (lihat *Antropologi Dan Sosiologi Menggaris Arah Baru*, (ed) oleh Abdul Rahman Embong Bangi, 1995) dan Pengajian Melayu (lihat *Pengajian Kesusasteraan Melayu Di Alaf Baru*, (ed) oleh Zahir Ahmad, Kuala Lumpur, 2000).

¹¹ Sikap ini timbul antara lainnya disebabkan oleh semangat nasionalisme Melayu yang mendedahkan banyak kelemahan yang dibuat oleh penjajah British. Lihat Muhammad Abu Bakar (1993), “Pandangan Dunia, Ideologi Dan Kesarjanaan : Islam, Proses Sejarah Dan Rekonstruksi Realiti Sosial”, dalam *Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan Dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*, Kuala Lumpur, h. 312-314.

¹² Muhammad Kamal Hasan (1996), “Pembentukan ilmu kemasyarakatan dari perspektif Islam” dalam *Sains Sosial Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur, h. 11-22.

¹³ Rahimin Affandi Abd. Rahim, “Gerakan Tajdid di Malaysia”, h. 102-106.

¹⁴ Mohammad Azam Mohammad Adil (1994), “Pengajian Undang-Undang Islam Di Pusat Pengajian Tinggi – Amalan Di ITM”, dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, v. 3, h. 75-84.

¹⁵ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2000), “Konsep Fiqh Malaysia Untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru : Suatu Analisa Terhadap Kepentingannya”, dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 10,.

Manakala dalam kesedaran yang kedua pula, ramai dari sarjana Islam yang mengkritik kelemahan metodologi pengajian Islam klasik telah menegaskan bahawa kritikan secara retorik semata-mata terhadap warisan pengajian Islam adalah tidak adil, tetapi perlu disertakan dengan alternatif penyelesaian terbaik iaitu dengan menyediakan dan membangunkan kerangka lengkap (mikro) penyelidikan Islam, sebagai alat untuk memankinkan perkembangan semula keilmuan Islam seperti mana yang pernah berlaku suatu masa dahulu.¹⁶

Hasilnya, kesedaran ini telah melahirkan gagasan Islamization of Knowledge, menetapkan sebarang gerakan keilmuan Islam moden perlu melalui dua belas cara yang utama¹⁷ :-

1. Menguasai disiplin ilmu moden (barat).
2. Kajian mendalam terhadap sesuatu disiplin barat.
3. Menguasai warisan ilmu Islam.
4. Analisis warisan ilmu Islam.
5. Mengemukakan kaitan Islam kepada sesuatu disiplin moden.
6. Penilaian terhadap disiplin ilmu moden.
7. Penilaian terhadap warisan ilmu Islam.
8. Kajian terhadap masalah ummah.
9. Kajian terhadap masalah manusia sejagat.
10. Analisis dan sintesis terhadap kedua-dua disiplin moden dan Islam.
11. Penulisan buku teks yang mengandungi disiplin ilmu.
12. Menyebarkan ilmu yang telah diislamkan.

Sebagai lanjutan kepada cara yang ke sepuluh dan ke sebelas, beberapa usaha telah dijalankan oleh sarjana Islam moden untuk membentuk secara mikro falsafah, sifat dan pendekatan penyelidikan Islam dalam pelbagai bidang pengajian Islam.¹⁸

3. Cabaran Penstrukturan dan Penambahbaikan Kualiti IPTA Islam Di Malaysia.

Dewasa ini, dasar kerajaan Malaysia yang berusaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu di peringkat dunia. Berbanding dengan negara membangun yang lain, kita patut berbangga dengan inisiatif yang dijalankan oleh pihak KPT yang memperkenalkan program penambahbaikan IPT di Malaysia dijalankan. Apa yang membanggakan, ternyata sekali dokongan dan bantuan penuh daripada pihak kerajaan telah menyebabkan Malaysia menjadi pusat kecemerlangan akademik di rantau Asia. IPT/IPTS Malaysia sering dijadikan model oleh negara

¹⁶ Muhammad Mumtaz Ali, *Conceptual and methodological*, h. 21-53.

¹⁷ Lihat Zaini Ujang (1989), “ Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu : Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar “, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 2, bil. 1, h. 39-42.

¹⁸ Lihat sebagai contohnya cubaan Louay Safi (1998) untuk membentuk kerangka penyelidikan terbaik untuk disiplin sistem politik Islam di dalam bukunya *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan : Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat*, Terj. Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur,

luar¹⁹ yang mendorong kedatangan sejumlah besar pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian mereka di Malaysia.

Untuk konteks IPT aliran Islam, kita dapat mengesan bagaimana pihak kerajaan telah menjalankan dasar yang responsif dengan tuntutan NGO Islam bagi usaha penambahbaikan IPT Islam. Sebagai contohnya, beberapa orang sarjana reformis Melayu-Islam telah mengkritik kelemahan IPT Islam yang dikatakan mengamalkan sistem pengajian yang ketinggalan zaman. Ianya dirujuk kepada kandungan kurikulum dan pedagogi pengajian yang bersifat tradisional dan sudah tidak kondusif dengan realiti semasa.²⁰ Kesemua komentar yang diberikan oleh sarjana Islam ini telah diambilkira oleh pihak kerajaan sehingga melahirkan IPT Islam yang lebih cekap. Antara lainnya, hal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara yang utama. Antaranya, sebahagian besar daripada tokoh akademik yang menganut fahaman reformisme Islam dan terdidik daripada sistem pendidikan Timur Tengah dan barat telah diterima menjadi tenaga pengajar di IPT Islam. Mereka ini dikesan telah bertanggungjawab melakukan proses reformasi terhadap sistem pengajian keilmuan Islam di IPT Islam di Malaysia. Tambahan pula, kuasa autonomi untuk melakukan program penambahbaikan IPT Islam telah diberikan sepenuhnya oleh pihak kerajaan.²¹

Pihak KPT telah menetapkan peranan yang perlu dimainkan oleh pihak MQA. Setiap IPTA/IPTS yang mahu mendapat pengiktirafan daripada pihak KPT untuk beroperasi perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak MQA. Hal ini menuntut mereka melakukan proses *review* terhadap elemen sistem pengurusan organisasi-fizikal, subjek dan pedagogi pengajian yang ditawarkan.²²

Selanjutnya, KPT telah memperkenalkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Pentinya pelan ini adalah untuk menetapkan setiap IPTA/IPTS terpilih melakukan program pengantarabangsaan. Ianya cuba untuk akur dengan kehendak THES yang berusaha melakukan penarafan terhadap IPTA di Malaysia. Antara lainnya, program pengantarabangsaan ini terdiri;²³

1. Penggunaan petunjuk prestasi utama (KPI) dalam pengurusan dan sasaran kerja setiap organisasi
2. Pelaksanaan autonomi dalam kalangan universiti terpilih dari segi tadbir urus dan

¹⁹ Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai : Penerbit UTM

²⁰ Mohammad Azam Mohammad Adil (1994), "Pengajian Undang-Undang Islam Di Pusat Pengajian Tinggi – Amalan Di ITM", dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, v. 3, 1994, h. 75-84; Abdul Aziz Bari (1999), "Legal Education And Islamization", dalam *IJUM Law Journal*, v. 7, no. 1, 1999, h.83-94; Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang (2003), "Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia : Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan*, Anjuran Fakulti Pendidikan UTM, Johor Bharu.

²¹ Fred R. Von Der Mehden (1993), *Two Worlds Of Islam: Interaction Between Southeast Asia And The Middle East*, Florida.

²² Rahimin Affandi Abd Rahim (2008), *Metodologi Studi Syariah Di Institusi Perguruan Tinggi Negeri Di Malaysia* (Edit) Mohd Fauzi Hamat, *Metodologi Pengkajian Islam : Pengalaman Indonesia-Malaysia*, Gontor : Institut Studi Islam Darussalam, h. 207-218

²³ Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai : Penerbit UTM

- kewangan;
3. Kepimpinan akademik yang lebih dinamik, *luwes* dan proaktif, terutamanya di peringkat jabatan;
 4. Penekanan aktiviti akademik mestilah berpaksikan kepada penerbitan makalah dalam jurnal berwasit ternama peringkat antarabangsa, yang diambilkira dari segi penilaian untuk kenaikan pangkat;
 5. Pelantikan profesor ternama sebagai staf universiti yang turut dibiayai oleh agensi penyedia geran penyelidikan;
 6. Peningkatan jumlah pelajar antarabangsa khususnya di peringkat ijazah lanjutan
 7. Peningkatan jumlah pensyarah berkelayakan phd dan mendapat status profesional atau bertauliah.

Jadi, berasaskan kepada semua perkembangan ini, tidak dapat tidak kalangan pensyarah pengajian Islam perlu keluar daripada zon selesa dan memperkembangkan penyelidikan di bidang pengajian Islam. Seandainya mereka gagal berbuat demikian lambat laun mereka akan ketinggalan dan berada di takuk yang lama. Hal ini ditegaskan memandangkan segala bentuk pengajian termasuk bidang pengajian Islam perlu akur dengan dasar yang ditetapkan oleh KPT. Ia secara langsung menetapkan bahawa sebarang peluang kenaikan pangkat, penilaian pencapaian KPI (key performance index) dan peluang mendapat grant penyelidikan yang ditaja – semuanya bergantung kepada kemampuan pensyarah pengajian Islam memperkasakan usaha penyelidikan dan penerbitan ilmiah.

4. Bagaimana Menangani Isu Pemerkasaan Penyelidikan Pengajian Islam Di Malaysia.

Dalam soal ini, kita boleh mencadangkan beberapa perkara utama.

4.1. Belajar Secara Selektif Kekuatan Dan Elemen Positif Yang Dimiliki Oleh IPT Barat.

Secara khususnya, program pasca siswazah (PPS) di IPT barat moden amat penting untuk dikaji, bukan setakat kerana kita dapat mengambil maklumat terpenting yang boleh dipelajari, bahkan juga kerana model PPS IPT barat dijadikan model oleh kerajaan Malaysia sendiri. Dalam masyarakat barat, status dan reputasi IPT milik mereka sangat dipentingkan, sehingga setiap Negara dan kawasan tertentu sering dikaitkan dengan IPT yang wujud di lokasi tertentu.²⁴ Contohnya, di Britain kawasan-kawasan seperti Oxford, Cambridge, Surrey, Edinburgh, Birmingham, Nottingham, Liverpool, Manchester, Durham, St. Andrews, Dundee, London, New Castle dan banyak lagi sering dikaitkan dengan IPT terkenal, dan hal ini sangat dititikberatkan oleh masyarakat tempatan sendiri.

Hal yang sama dikesan dalam konteks Amerika Syarikat, bila mana status kedudukan dan kerjaya seseorang dinilai daripada IPT terkenal yang pernah didudukinya. Contohnya, beberapa orang Presiden (Franklin Roosevelt, George W.

²⁴ Mohd Azhar Abd Hamid (2008), *Hadiah Nobel Dan Kreativiti Sains*, Skudai : Penerbit UTM, h. 91-113.

Bush dan JF Kennedy) dan tokoh korporat (Bill Gate dan Warren Beafut) Amerika sering dikaitkan dengan kredibiliti terbaik apabila pernah belajar di IPT terkenal seperti di *Ivy league* (nama bagi lapan buah university di Amerika; Harvard, Cornell, Columbia, Dartmouth, Yale, Princeton, Penn Dan Brown).²⁵

Setiap IPT ini sering bersaing di antara satu sama lain dan masing-masing pihak berusaha untuk sentiasa berada di hadapan mengatasi IPT lain. Mengikut perspektif semasa, mutu sesuatu IPT barat ini bergantung kepada:

1. Sejarah dan tradisi yang panjang – pengalaman yang lama terlibat dalam aktiviti pengajaran dan penyelidikan, terpenting sekali tetap berpegang kepada idealism intelektual berasaskan falsafah, sejarah, politik, keilmuan dan ideologi Yunani-Roman klasik – tempat yang mengutamakan kebebasan berfikir dan mengelarkan pendapat walaupun bertentangan dengan status quo tertentu.²⁶
2. Nisbah pelajar cemerlang yang belajar dan graduan yang Berjaya yang dilahirkan, kemudiannya menjadi penyumbang dana untuk tujuan pembangunan dan penyelidikan di IPT terbabit.²⁷
3. Kualiti program dan bilangan ahli akademik yang bermutu.
4. Kemudahan pembelajaran seperti bengkel, makmal, dewan kuliah dan aplikasi ICT yang canggih.
5. Jumlah paten yang diperolehi daripada R &D.
6. Wujudnya pusat kcemerlangan yang berteraskan R & D.
7. Bilangan hadiah dan anugerah seperti anugerah kualiti, Nobel Prize, The Pulitzer Prize, Medal Award dan sebagainya.
8. Terbuka dengan tren dan falsafah semasa yang berkembang di dalam masyarakat dan industri. Antaranya;
 - a. Kerjasama dengan industri dalam membangunkan produk yang berguna. Contohnya, pada tahun 2003 sebanyak 10 peratus daripada modal teroka eropah telah melabur di university of Cambridge dengan mewujudkan makmal penyelidikan mereka dalam bidang *hi-tech* dan *biotech* di university tersebut. Antaranya TNC seperti Microsoft, Toshiba, Hitachi, Intel, Unilever, Pfizer, Boeing, Rolls-Royce dan GSK.²⁸
 - b. Usaha mengkorporatkan IPT seperti TNC (trans National Company) agar ianya menjadi maju, cekap dan berdaya saing.
 - c. Mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang sains gunaan dan teknologi terkini – mengurangkan penyelidikan bidang fundamental seperti agama, sastera dan budaya.²⁹
9. Jumlah Profesor terkenal dan diiktiraf dunia yang dimiliki dalam bidang tertentu. Status professor tersohor ini dinilai dari segi autoritinya sebagai sumber rujukan bagi proses pencarian ilmu, sentiasa terlibat dalam pemantapan ilmu dan terpenting sekali : *sentiasa mencari ufuk dan dimensi baru untuk membolehkan*

²⁵ Ibid, h. 98-99.

²⁶ Zaini Ujang (1993) *Universiti : Mendukung Tradisi Intelektual*, Kuala Lumpur : IKD, h. 46-47.

²⁷ Mohd Azhar Abd Hamid (2008), *Hadiah Nobel Dan Kreativiti Sains*, h. 74-76

²⁸ Ibid, h. 106.

²⁹ Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai : Penerbit UTM, h. 74.

*penerokaan ilmu secara lebih mendalam dilakukan oleh penyelidik yang lain.*³⁰ Hasil kajian professor ini sering dijadikan indeks nukilan (citation index) dalam jurnal berwasit.

10. Wujudnya pelajar PPS yang baik dan berinovatif membantu seseorang professor melakukan penyelidikan yang menghasilkan temuan baru yang bermutu tinggi. Ia termasuk juga temuan baru yang memperbaiki mutu teori yang lama. Atas dasar inilah, kebanyakan IPT terkenal di barat berusaha mengurangkan pengambilan pelajar ijazah pertama dan lebih menumpukan kepada pelajar PPS. Mengikut pengalaman IPT di barat, kebanyakan daripada hadiah Nobel dalam pelbagai bidang terhasil daripada gabungan antara pelajar PPS dengan professor terkenal dalam bentuk system mentor mentee. Beberapa contoh boleh diberikan;
 - a. Makmal Cavendish di University Cambridge yang mengkhususkan kepada bidang fizik dengan gabungan antara professor dan pelajar PPS telah melahirkan puluhan tokoh hadiah Nobel, antaranya yang terkenal adalah Rutherford, Bragg dan Bohr.³¹
 - b. F. Sherwood Rowland (pemenang Nobel kimia 1995) adalah pelajar PPS di University of Chicago di bawah seliaan Williar F. Libby (pemenang Nobel kimia 1960). Williar F. Libby pernah belajar dengan Harold Urey (pemenang Nobel kimia 1934), Henry Taube (pemenang Nobel kimia 1983), Maria Goeppert Mayer (pemenang Nobel fizik 1963) dan Enrico Fermi (pemenang Nobel fizik 1938).³²
11. Akur dan berusaha menerimapakai standard penarafan yang dibuat oleh THES dalam usaha membangunkan IPT mereka. Hal ini terpaksa dibuat demi menaikkan status IPT mereka, walaupun terbukti usaha THES ini dibuat mengikut agenda pelbagai pihak barat yang berkepentingan.

4.2. Menghidupkan Wacana Budaya Ilmu Dan Penyelidikan Di Kalangan Pensyarah. Terpenting sekali, kalangan pensyarah pengajian Islam perlu memahami kepentingan penyelidikan ilmiah dalam usaha mengangkat martabat ummah.³³ Apa yang menyedihkan adalah kedapatan sesetengah orang yang beranggapan bahawa sesuatu perjuangan Islam hanya perlu dilakukan dalam kegiatan politik semata-mata dan memandang rendah terhadap kegiatan keilmuan yang membabitkan penyelidikan ilmiah. Sikap simplistik ini menjadikan seseorang Islam itu lebih banyak bercakap dalam soal perjuangan tanpa mengisi matlamat perjuangannya dengan pengisian keilmuan yang bermakna.³⁴

Sebagai asas utama budaya berfikir yang sihat perlu diterapkan secara

³⁰ Ibid, h. 122-123

³¹ Mohd Azhar Abd Hamid (2008), *Hadiah Nobel Dan Kreativiti Sains*, Skudai : Penerbit UTM, h. 111-112

³² Ibid, h. 214-215.

³³ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2000), “ Etika Penyelidikan Islam : Satu Analisa “, dalam *Jurnal Afkar*, bil. 1., h. 179-182.

³⁴ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997), *Pengantar undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, h. 7-11.

sistematik ke dalam institusi pengajian Islam amnya dan usaha penyelidikan ilmiah Islam khususnya. Antara budaya berfikir yang sihat ini adalah³⁵;

1. Membiasakan berfikir secara autokritik menggantikan kaedah berfikir secara bentuk pembenaran. Kaedah pembenaran ini merujuk kepada cara berfikir yang tidak mengakui kelemahan diri sendiri, suka berdoloh dalih dan mengaitkan sesuatu kelemahan yang berlaku kepada orang lain, kerana pada anggapannya dirinya serba cukup dan sempurna.
2. Membiasakan berfikir secara menyeluruh menggantikan berfikir secara sebahagian.
3. Membiasakan berfikir secara reformatif menggantikan berfikir secara jumud dan tradisional.
4. Membiasakan berfikir secara ilmiah menggantikan berfikir secara prasangka dan mengikut hawa nafsu.
5. Membiasakan berfikir secara kolektif menggantikan berfikir secara bersendirian.
6. Membiasakan berfikir sesuai dengan hukum alam menggantikan berfikir secara supra rasional dan tahyul.

Terpenting sekali, pensyarah perlu diperkenalkan dengan elemen pemikiran Meta-Kognitif. Pada kebiasaannya, pensyarah dan pelajar pps kurang memahami perkara ini, kerana lebih terdedah dengan bentuk pemikiran kritis peringkat rendah; *sekadar memetik semula sesuatu maklumat tanpa membuat apa-apa penilaian. Ianya membabitkan usaha membanding dan membezakan, mengategorikan, membuat sorotan sejarah, meneliti bahagian terkecil dan keseluruhan dan menerangkan sebab musabab sesuatu perkara*. Dalam soal ini, pelajar pps perlu diajar pemikiran inovatif³⁶ dan pemikiran kritis peringkat tinggi, elemen metakognitif (*Thinking About Thinking*).³⁷ Ianya biasa digunakan bagi mengelakkan timbulnya kesilapan dalam berfikir. Antaranya membabitkan beberapa proses berfikir yang utama; *membuat ramalan, melakukan usul periksa, menyiasat, meneliti sesuatu andaian, membuat inferens, mengesahkan sumber maklumat, membuat generalisasi dan mencari sebab musabab yang disertakan dengan kesimpulan yang terbaik*.

Sebenarnya, sesetengah elemen metakognitif ini tanpa disedari telahpun wujud dalam disiplin keilmuan Islam, yang sayangnya sering kali dilupakan kerana pengaruh budaya Taqlid. Sarjana Islam silam cuba mengaplikasikan prinsip wasatiyyah (pertengahan) dalam pengamalan keilmuan. Dalam dunia akademik, prinsip *wasatiyyah* ini boleh digunakan sebagai salah satu alat untuk menilai, menganalisa dan menerima sesuatu pandangan yang dikemukakan oleh pihak lain, tanpa terpengaruh dengan kecenderungan si penilai itu sendiri (*Pre Conceived Idea*). Dalam amalan keilmuan Islam, sesuatu khabar, riwayat, teori, pandangan, formula dan apa-apa dapatan kajian yang dilahirkan perlu dinilai secara kritikal, *futuristic*,

³⁵ Majid Ersan Kailani, *Mendidik Peribadi*, terj. Muhammad Firdaus, Kuala Lumpur, 1997, h. 20-30.

³⁶ Mohd Azhar Abd Hamid (2001), *Hadiah Novel Dan Kreativiti Sains*, Skudai : Penerbit UTM, h. 223-227

³⁷ Mohd Azhar Abd Hamid (2001), *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif*, Skudai : Penerbit UTM, h. 98-116

berpandangan jauh dan terpenting sekali perlu mengambilkira prinsip wasatiyyah ini. Ianya boleh dikatakan sebagai suatu tindakan adil (bertindak sebagai orang tengah) dalam menilai sesuatu perkara.

Melalui pemakaian prinsip ini, sesuatu pandangan yang diteliti perlu mengambilkira beberapa perkara penting; (i) mengambil sikap selektif (tidak menerima dan menolak secara melulu), yang menuntut ianya dilihat secara holistik (menyeluruh)³⁸; (ii) memastikan ketepatan sesuatu berita atau teori itu didapati daripada sumber yang tepat dan betul, seperti mana penegasan Allah agar kita mengamalkan sikap berhati-hati terhadap berita yang dibawa oleh orang fasiq, kerana ianya akan membawa fitnah yang bakal merosakkan kehidupan. Untuk tujuan pengesahan, ianya perlu dinilai dan dikritik secara luaran dan dalaman. Kritikan luaran bertujuan untuk menentukan ketulenan dan keaslian sesuatu sumber tersebut. (kajian sanad)³⁹ Manakala kritikan dalaman pula bertujuan untuk memastikan kemunasabahan dan kewarasan isi kandungan sesuatu sumber itu dinilai dari perspektif Islam.(kajian matan),⁴⁰(iii) melihat keserasian sesuatu hujah yang dipakai dengan pandangan sumber yang berautoriti, samada ianya daripada nas wahyu (al-Quran dan al-Sunnah), fakta sejarah ataupun teori serta aksioma pemikiran yang telah diterima ramai (seperti terkandung dalam konsep ijma dan tawattur);⁴¹(iv) Tidak boleh menyalahi dengan apa yang telah ditetapkan secara *qat'I* oleh sumber al-Quran dan al-Sunnah, manakala sesuatu warisan ulamak silam yang dihasilkan melalui pemikiran manusia berasaskan kepada sumber akalanya sendiri baik dari segi pentafsirannya terhadap nas ataupun responnya terhadap situasi sosial yang timbul di zamannya-perlu dinilai secara kritikal, kerana ianya masih bertaraf zanni, yang perlu sentiasa diulangkaji dan diperlengkapkan oleh setiap sarjana di setiap zaman⁴² dan akhirnya (v) tindakan menolak pendekatan kajian dan penilaian Islam yang bersifat legal formalistik. (hitam ataupun putih) yang akan menghasilkan kajian yang bersifat kaku dan cenderung kepada tindakan menghukum dan bukannya bersifat konstruktif bagi tujuan dakwah mendidik golongan sasaran kajian, anggota masyarakat. Sebaiknya, sarjana Islam perlu memikirkan untuk menggunakan pendekatan kajian yang lebih terbuka dan holistik (menyeluruh) dalam proses penilaian sesuatu objek kajian.⁴³

³⁸ Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), “ Etika Penyelidikan Islam : suatu analisa “, dalam *Jurnal Afkar*, v. 1, h. 177-196.

³⁹ Maklumat Lanjut boleh didapati dalam Che Cob Che Mat (1996), *Kriteria Penerimaan Dan Penolakan Hadith : Satu Kajian Perbandingan Antara Ahl Al-Sunnah Dan Shi'ah*, Tesis Untuk Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h.482-535.

⁴⁰ Ibid, h. 642-657.

⁴¹ Rahimin Affandi Abd Rahim (1993),“ The Concept Of Ijma’ In Islamic Law : A Comparative”, dalam *The Journal of Hamdard Islamicus*, Pakistan, v. 16, h. 91-104.

⁴² Rahimin Affandi Abd Rahim (2002), “ Epistemologi Hukum Islam : satu pengenalan “, dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 15, 2002.

⁴³ Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), “Ulamak Dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu “, dalam Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din (ed.), *Wacana Budaya*, Kuala Lumpur : APMUM, h. 55-80

Secara operasionalnya, kalangan pensyarah pengajian Islam perlu memantapkan penguasaan sesuatu bidang penyelidikan dalam pengajian Islam dan membentuk suatu kelompok sarjana yang benar-benar pakar dalam bidang tersebut. Mengambil pengalaman IPT terkemuka di barat, wacana ilmiah dalam bentuk mingguan sentiasa dilakukan di antara sarjana tersohor (professor) dengan pensyarah yang lebih muda. Hal ini dapat dilakukan dengan beberapa cara;

1. membiasakan diri dengan pengemaskinian bahan-bahan bibliografi terkini dalam sesuatu bidang yang dipilih. Sebagai contohnya, di dalam usaha mengumpul segala maklumat yang tepat dan terkini dalam bidang pengajian Islam, genre orientalis barat telah mewujudkan koleksi Index Islamicus yang mengandungi segala bahan berkaitan Islam. Begitu juga halnya dengan pengajian sosiologi di Malaysia yang telah mewujudkan koleksi Malaysiana, Kelantania dan sebagainya. Hal yang sama patut dilakukan kepada sesuatu bidang pengajian Islam.
2. mendedahkan diri dan mengikuti sebarang perkembangan baru yang dihasilkan di dalam sesuatu bidang yang merangkumi persoalan pembentukan teori yang baru, penganalisaan yang kritikal dan penggunaan metodologi yang lebih moden.
3. Mengikuti perkembangan penerbitan bahan kajian yang bermutu dalam bidang yang dipilih, seperti tesis, Enslopadeia dan sebagainya.
4. Mengadakan sesi wacana intelektual antara pakar yang terpilih demi untuk mewujudkan budaya intelektual yang berbentuk brain storming.
5. Melatih pelajar yang terpilih untuk melakukan sesuatu penyelidikan lanjutan menggunakan kaedah penyelidikan baru terhadap sesuatu tajuk yang relevan dan up to date demi untuk memantapkan dan mengemaskinikan lagi koleksi bidang yang telah terkumpul.
6. Menetapkan piawaian yang tinggi terhadap penghasilan sesuatu kajian ilmiah berasaskan kepada (a) pembentangan proposal kajian ilmiah yang lengkap, (b) penganalisaan yang kreatif terhadap sesuatu teori ataupun mencabar keutuhan sesuatu teori yang dominan, (c) pembentangan literature review yang lebih rapi demi untuk memastikan sesuatu kajian itu dapat menyumbang ke arah penemuan yang baru, (d) pembentangan kaedah metodologi yang jelas dan (e) penggunaan analisis bahan dan fakta yang bersifat kritikal dan tidak stereotype.
7. Sarjana tersohor ini perlu menjadi payung akademik yang membuka horizon ilmu dan idea baru yang kemudiannya perlu dilakukan penyelidikan oleh pensyarah muda. Untuk itu, usaha mendapatkan grant penyelidikan ditaja di bawah naungan sarjana tersohor ini akan lebih mudah untuk diperolehi.

5. Penyelidikan Islam Sebagai Kaedah Menolak Kesilapan Teori Dan Pandangan Barat

Secara kasarnya, sarjana Islam perlu menjadikan sifat sebagai pembela Islam yang bertanggung jawab untuk menjalankan tugas memperbetulkan sesuatu pandangan silap dan negatif yang dinisbahkan kepada ajaran Islam oleh musuh Islam. Beberapa contoh boleh diberikan untuk menunjukkan kajian yang menggunakan pendekatan ini, seperti :-

Pertama, kajian yang dilakukan oleh Mohd Aziz Mat Tom yang telah menolak tohmahan dan pendapat William Roff yang memandang rendah sumbangan yang diberikan oleh majalah *al-Imam* yang diusahakan oleh Kaum Muda ke arah mewujudkan semangat nasionalisme yang terawal di Tanah Melayu. Kajian Mohd Aziz Mat Tom ini telah mengubah persepsi sejarah perjuangan Islam yang dominan di Tanah Melayu yang menegaskan bahawa golongan anak didik penjajah yang terdiri dari pembesar Melayu merupakan tokoh ulung yang memainkan peranan membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu. Sebaliknya, daripada pembentangan fakta dan tafsiran yang menggunakan serangkaian rekod pihak British, beliau telah berjaya menunjukkan bagaimana perjuangan awal kaum muda ini yang kemudiannya diikuti dengan kebangkitan golongan ulamak Melayu telah menimbulkan pelbagai masalah kepada pihak British, yang menyebabkan pihak British menguatkuasakan pelbagai bentuk penindasan ke atas ulamak Islam.⁴⁴

Kedua, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Redzuan Othman telah menolak dakwaan William Roff yang menyatakan bahawa perkembangan kemajuan moden di Tanah Melayu merangkumi sistem pendidikan, celik huruf dan pengenalan sistem penerbitan buku dan majalah telah diperkenalkan buat pertama kalinya di Tanah Melayu oleh pihak British. Sebaliknya, hasil kajian ini mendapati perkembangan pemodenan sebenar telahpun kedapatan dengan begitu meluas akibat dari hubungan intelektual yang wujud di antara rantau Alam Melayu dengan Mekah, yang merupakan pusat pertemuan dan pendidikan ummah Islam sedunia.⁴⁵

Ketiga, kajian yang dilakukan oleh Jabal Bueben terhadap pandangan tiga orientalis barat, William Muir, D.S. Margoliouth dan W.M. Montgomery Watt tentang peribadi dan perjuangan Rasulullah. Kajian ini telah berjaya menjawab tohmahan ketiga-tiga sarjana ini yang menilai perjuangan Rasulullah dari kaca mata mubaligh Kristian dan faham sekularisme yang menolak sama sekali faktor wahyu di dalam kerangka tugas kerasulan Rasulullah.⁴⁶

Keempat, kajian yang dilakukan oleh sarjana saintis Melayu Islam semasa tentang keburukan konsep sains barat yang diwar-warkan sebagai konsep sains yang tepat untuk reality zaman moden. Butiran kritikan ini merangkumi;

1. Masyarakat Melayu seolah-olah tertipu apabila menganggap sains Barat berfahaman sekular yang berasaskan *logico positivisme* sebagai paling benar dan universal penggunaannya. Sedangkan konsep sains Barat ini sebenarnya dikritik hebat oleh golongan saintis Barat di Eropah sendiri.⁴⁷
2. Sains Barat yang diagung-agungkan sebenarnya sains yang paling muda usianya berbanding dengan ilmu sains yang berteraskan ciri tempatan dan ada hubungan

⁴⁴ Lihat Abdul Aziz Mat Tom (2000), *Politik Al-Imam*, Kuala Lumpur : DBP.

⁴⁵ Muhammad Redzuan Othman (1988), "The role of Makka-educated Malays in the development of early scholarship and education in Malaya", dalam *Jurnal Of Islamic Studies*, v. 9:2,.

⁴⁶ Lihat Jabal Buaben (1996), *The Image Of The Prophet Muhammad In The West*, Leicester : Islamic Foundation

⁴⁷ Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), "Epistemology Colonial : Satu Analisis Cirri Dan Kesannya", dalam Mohamad Daud Mohamad (ed.), *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, DBP : Kuala Lumpur, h. 91-94.

dengan tuhan.⁴⁸ Di Alam Melayu sendiri sebelum kedatangan penjajah Barat telahpun ada warisan sains melayu yang agak cemerlang (seperti meriam Melayu yang dilaporkan lebih hebat daripada meriam Portugis, kapal Melayu lebih kukuh daripada kapal Eropah). Memang ada manuskrip melayu yang mengandungi semua maklumat sains Melayu ini.⁴⁹

3. Pemaksaan konsep sains Barat di Tanah Melayu bukan setakat telah menenggelamkan konsep sains tempatan yang pernah berjasa membangunkan tamadun Melayu, bahkan ia turut merosakkan pegangan epistemologi masyarakat Melayu. Ianya terdiri daripada;
 - a. Pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur ketuhanan – manusia bebas melakukan sesuatu program pembangunan tanpa mempedulikan kuasa tuhan.
 - b. Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber agama.
 - c. Pengenalan sistem penilaian nisbi/relatif terhadap agama; manusia bebas tentukan masa depannya sendiri.
 - d. Penurunan taraf ilmu agama, berbanding dengan ilmu bukan agama – tumpuan lebih diberi kepada ilmu bukan agama yang kononnya boleh membawa kemajuan.⁵⁰
 - e. Penakrifan konsep kebenaran (*truth*) yang keliru dan mengikut paradigma sekularisme.

Lanjutan daripada perkembangan ini, *Intellectual circle* Melayu semasa seperti GAPENA (Gabungan Penulis Nasional Malaysia) dan ASASI (Akademi Sains Islam Malaysia) secara kuat memperjuangkan tentang kemampuan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa ilmu untuk pengembangan ilmu sains. Mereka secara terang-terangan mencabar dakwaan bahawa bahasa Melayu tidak mampu digunakan untuk membangunkan pengetahuan bertaraf tinggi seperti konsep sains Islam.

ASASI seavagai contohnya telah memperjuangkan gagasan Pemeribumian sains Melayu-Islam. Mengikut Osman Bakar, status negara Malaysia yang maju hanya akan dapat dicapai apabila masyarakat Melayu membangunkan kaedah sainsnya sendiri, di mana sains Barat diterima dan ditapis secara selektif dengan sains Melayu-Islam. Dengan cara ini, masyarakat Melayu akan mempunyai kekuatan dari segi peralatan, bahkan juga pemikiran.⁵¹ Sebelum kedatangan kuasa penjajah, masyarakat Melayu telahpun mempunyai pengetahuan dari segi sains dan teknologi. Antaranya dalam bidang astronomi, astrologi, kosmogeni, matematik, perubatan, fizik dan sains hayat.

Shaharir Mohamad Zin menyebut ada 124 manuskrip dalam sains teknologi di

⁴⁸ Abdul Rahman Abdullah (2010), *Wacana Falsafah Sains : Sejarah Dan Pemikiran*, Pulau Pinang : IESDEV USM.

⁴⁹ Shaharir Mohamad Zin (2003), “Sains Dan Teknologi Melayu Sebelum Penjajahan Eropah”, dalam *Melayu : Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, v. 1, bil. 2, h. 157-203.

⁵⁰ Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), *op.cit.*, h. 91-92.

⁵¹ Osman Bakar (1989), “Perkembangan Penting Dalam Pemikiran Sains Masa Kini : Satu Tinjauan Umum”, dalam Osman Bakar (ed.), *Islam Dan Pemikiran Sains Masa Kini*, Kuala Lumpur : ASASI, h. 10.

Malaysia; 36 bidang sains hayat, 9 bidang astronomi, 70 bidang perubatan, 4 bidang sains fizik dan 5 bidang teknologi. Bahkan dalam sastera klasik seperti Malim Demam, Awang Sulung Merah Muda dan sebagainya juga mempunyai maklumat sains dan teknologi.⁵²

6. Usaha Mengenalpasti Beberapa *Niche Area* Yang Diperlukan Untuk Konteks Zaman Moden.

Antara bidang yang mungkin penting terdiri daripada bidang perundangan (seperti zakat, fatwa, wakaf, kepenggunaan, budaya, gender, sosiologi hukum Islam dan sebagainya), Muamalat (produk Perbankan Islam, Insuran Islam, Dinar emas dan sistem Bond Islam), Usuluddin (pemikiran Islam menangani isu global, pemikiran kritis dan kreatif Islam dan pemikiran Islam menangani fahaman /idealism moden), Kominikasi (konsep filem Islam dan konsep media Islam alternatif) dan S & T Islam (Astronomi Islam, falsafah S & T Islam dan bio-teknologi dan pengaruhnya terhadap umat Islam)

Apa yang paling baik lagi, dapatan kajian yang dihasilkan melalui kajian pps ini boleh dimanfaatkan untuk kepentingan umat Islam. Kita boleh memberikan beberapa contoh dengan hasil pps yang berdaya maju dan praktikal ini. Antaranya;

Pertama, laman web *Myais* (Malaysian Abstracting And Indexing System) yang dibangunkan oleh Profesor Zainab Awang Ngah dengan bantuan pelajar pps Fakulti sains Komputer UM (Abrizah Abdullah Dan Nor Edzan Che Nasir). Ia dapat dijadikan sebagai platform kepada pensyarah memperkenalkan hasil kajian mereka kepada masyarakat dan kalangan ahli akademik seluruh dunia. Ia berfungsi antara lainnya seperti Pengkalan data *ISI Web Of Knowledge* dan *scopus*.

Kedua, tindakan Prof. Ahmad Ibrahim yang mengalakkan pelajar lepasan ijazah mengkaji kelemahan English Common Law yang dipakai di Malaysia, yang secara pastinya bakal disertakan dengan pelbagai alternatif baru menggantikan pemakaian ECL ini dengan mewujudkan Malaysia Common Law sendiri, yang berteraskan pelbagai prinsip-prinsip hukum Islam seperti konsep Urf, Maslaha, Siyasa Syariah dan lainnya.⁵³

Ketiga, kajian yang dilakukan oleh Donald Horowitz, Ahmad Hidayat Buang, Ruzman Mohd Nor dan Muhammad Tahir Azhary yang mengkaji sejarah reformasi perundangan Islam di Malaysia- telah mampu menyediakan blueprint lengkap tentang kaedah reformasi yang terbaik dan hal ini telah diterima oleh pihak kerajaan memandangkan ianya dibuat secara ilmiah.⁵⁴

⁵² Shahrir Mohamad Zin (2003), "Sains Dan Teknologi Melayu Sebelum Penjajahan Eropah", dalam *Melayu : Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, v. 1, bil. 2, h. 157-203.

⁵³ Lihat sebagai contohnya Anuar Ramli (2002), *Asas Hukum Dalam Budaya : Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Social Dalam Kebudayaan Malaysia*, Tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM dan Mohd Fauzi bin Audzir (2002), *Uruf Tempatan Di Negeri Kedah Dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum : Satu Analisis*, Tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.

⁵⁴ Muhammad Tahir Azhary (2003), *Negara Hukum : Suatu Studi Tentang Prinsip-Prinsipnya Dilihat Dari Segi Hukum Islam, Implementasinya Pada Periode Negara Madinah Dan Masa Kini*, Bogor : Penerbit Kencana, h. 193-237 dan Ahmad Hidayat Buang (2004), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur :

Keempat, kajian sosiologi terhadap pelbagai institusi Islam yang dominan di dalam masyarakat bakal memperincikan elemen kelemahan yang dimiliki oleh institusi tersebut, yang perlu disedari dan dirangka jalan penyelesaian masalah yang terbaik.⁵⁵ Sebagai contohnya, memanglah diakui bahawa institusi fatwa telah mampu menyelesaikan masalah umat Islam di sepanjang sejarah, tetapi secara realiti dan praktiknya pada masa sekarang, didapati institusi ini telah gagal untuk meneruskan peranannya dengan secara berkesan kerana secara kuat berpegang kepada paradigma Taqlid.⁵⁶

Kelima, Proses menyediakan modul pembangunan secara mikro dalam bentuk blueprint membabitkan program bercirikan Islam. Antara contoh yang relevan;

1. Kajian tentang E-Fiqh yang dilakukan oleh Abdulmajid H. Mohamed terhadap realiti sistem fiqh Islam di zaman globalisasi bakal menyediakan module pembangunan yang bersifat mikro yang dapat membantu dan memperkembangkan lagi peranan yang boleh dimainkan oleh kalangan fuqaha dan mufti.⁵⁷
2. Kajian tentang penerapan pendekatan E-learning di dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia yang dilakukan oleh serangkaian sarjana di UNITAR - bakal memantapkan lagi pedagogi pengajaran yang diamalkan.⁵⁸
3. Kajian tentang kaedah reformasi pengeluaran zakat pertanian dan profesional bakal menyumbangkan idea tentang bagaimana institusi zakat ini boleh menjana perkembangan ekonomi umat Islam yang lebih baik.⁵⁹

Keenam, proses menyediakan jawapan Islam terhadap pelbagai isu semasa yang timbul di dalam masyarakat secara amnya dan kepengunaan Islam khususnya.⁶⁰

Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM; Donald L. Horowitz (1994), "The Quran And The Common Law : Islamic Law Reform And The Theory Of Legal Change ", dalam *The American Journal Of Comparative Law*, v. 42.

⁵⁵ Maklumat lanjut boleh didapati dalam Amir Mu'allim dan Yusdani (1999), *Konfigurasi Pemikiran Hukum Islam*, Yogyakarta, h. 46-47.

⁵⁶ Sebagai contohnya, sila lihat Noor Naemah Abd Rahman (2003), *Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis*, Tesis PhD untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.

⁵⁷ Abdulmajid H. Mohamed (2004), "E-Fiqh: Foundations for ICT-Supported Fiqh", dalam *Prosiding Islam : Past, Present And Future- International Seminar On Islamic Thoughts*, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember 2004.

⁵⁸ Nik Salida Suhaila bt Nik Saleh & Syahirah bt Abdul Shukor (2004), "E-learning in Islamic Studies: Possibilities and Challenges in Malaysia ", dalam *Prosiding Islam : Past, Present And Future- International Seminar On Islamic Thoughts*, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember 2004.

⁵⁹ Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur : DBP.

⁶⁰ Terdapat serangkaian besar tajuk-tajuk tesis di peringkat pasca siswazah yang menggunakan pendekatan ini, antaranya adalah ;

- 1) Azhar Abdul Aziz (2002), *Peranan Sains Perubatan Dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh Kerana Penyakit*, tesis Sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM
- 2) Mohamad Amin Abu Bakar (2002), *Pemakaian Asas Astronomi Dalam Menentukan Arah Qiblat Di Malaysia : Satu Pendekatan Hukum*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM

Berhadapan dengan masalah ini, seseorang sarjana perlu bertindak secara proaktif menggunakan pendekatan semi-ijtihad, dengan menawarkan jalan penyelesaian terhadap setiap masalah yang timbul dalam bentuk menggali jawapan syarak yang terdapat di dalam kitab warisan silam untuk isu yang dikaji ataupun membuat tafsiran yang lebih bersifat kontekstual terhadap isu tersebut.⁶¹

Sebagai contohnya, dalam kajian kepenggunaan Islam beberapa perkara telah dihasilkan.

1. Kajian yang menilai kembali dan mencadangkan etika kepenggunaan Islam yang sepatutnya diamalkan oleh pengguna Islam. Ia juga turut mengkaji usaha dan keberkesanan program yang dijalankan oleh persatuan pengguna di Malaysia.⁶²
2. Kajian yang meneliti mekanisme pemerosesan produk pengguna moden yang tiada kupasannya secara mendalam dalam warisan *turath* Islam. Ia merujuk kepada kaedah sains moden dalam soal kepenggunaan yang didapati membantu pengguna memahami secara mendalam tentang bagaimana proses ini dijalankan.⁶³
3. Kajian yang mencabar teori fiqh silam dalam soal taklif syarak yang membabitkan orang pekak dan bisu. Mengikut teori fiqh silam, golongan pekak dikecualikan daripada taklif kerana mesej ajaran Islam gagal diperolehi oleh mereka. Teori ini telah dicabar oleh sebahagian sarjana yang menegaskan bahawa orang pekak pun mampu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat yang menyebabkan pemahaman mereka tentang konsep taklif syarak dapat digarap secara berkesan oleh mereka. Hal ini berlaku kerana formula fiqh Islam dihasilkan sebelum produk dan perkhidmatan bahasa isyarat diwujudkan.

3) Nizaita Omar (1999), *Beberapa Kaedah Perubatan Moden Menurut Perspektif Islam*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM

4) Rohana Ismail (2001), *Pembunuhan Rahmat (Euthanesia) : Satu Kajian Hukum*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM

5) Mohd Sharkawi Shaadan (2003), *Penggunaan Bahan Haram Dalam Perubatan : Kajian Di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM

6) Nadzirah Ismail (2003), *Status Kesucian Air Kumbahan Yang Dirawat Melalui Kaedah Rawatan Oleh Indah Water Konsortium*, tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.

⁶¹ Rahimin Affandi Abd Rahim (2004), "Usaha Memperkasakan Ilmu Usul al-Fiqh di Zaman Moden: Satu Analisis", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFU) 2004*, Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, pada 15-16hb Disember 2004, h. 210-224.

⁶² Lihat contohnya kajian oleh Muhammad Tarmizi Bin Abdul Rahman (2003) "Etika Kepenggunaan Islam : Rujukan Khusus kepada Amalan di Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)," disertasi Sarjana Syariah Jabatan Fiqh & Usul, APIUM; Nor Raihan Binti Haji Abdullah (2007), "Hukum Penggunaan Bahan Jampi Mentera Dalam Rawatan Tradisional : Kajian Khusus Ke Atas Perbomohan Di Terengganu," Disertasi Sarjana Syariah Jabatan Fiqh & Usul, APIUM.

⁶³ Lokman Ab. Rahman (2001), *Halal Products : Consumerism, Technology And Procedures*, Melaka, h. 39-47. Lihat Juga *Makanan Berbahaya; Panduan CAP Mengenai Bahaya Tersembunyi Dalam Makanan*, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Sungai Pinang, 1999; Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, (2000) *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan : Pendekatan Islam Dan Sains*, Kuala Lumpur, h. 52-72

4. Kajian yang memperincikan penemuan teori sains moden yang berkaitan dengan konsep kepenggunaan Islam. Ianya boleh dianggap sebagai *breakthrough* utama yang bakal merencanakan lagi proses pembangunan Fiqh Kepenggunaan Islam yang bernuansakan elemen pemodenan.⁶⁴

Ketujuh, kajian pembentukan kaedah penyelidikan untuk disiplin sejarah Islam bentuk baru yang dijalankan oleh Louay Safi, telah berjaya merumuskan mekanisme penyelidikan sejarah Islam yang lebih bersifat kritikal terhadap sumber dan kaedah barat dan juga Islam.⁶⁵

Kelapan, proses menyediakan kerangka pemikiran Islam semasa yang bersifat kritikal dan kondusif dengan nilai-nilai Islam. Pada masa sekarang, kalangan masyarakat dunia termasuklah penganut Islam sendiri begitu mengilai paradigma pemikiran bentuk baru seperti pemikiran rasional, kritis, lateral, dekonstruksi, kreatif dan responsif- bakal menjadikan seseorang itu bersifat positif dan mampu menyelesaikan masalah hidup dengan baik.⁶⁶ Apa yang menyedihkan, kesemua paradigma pemikiran ini diperkenalkan oleh sarjana barat, seolah-olah penganut Islam sendiri ketandusan idea untuk berbuat demikian. Sedangkan, seperti ditunjukkan oleh Ibrahim Abu Rabi', Mohd Fauzi Hamat, Mohammad Arkoun dan Amin Abdullah, kesemua elemen pemikiran bentuk baru ini memang terdapat secara meluas isinya di dalam sumber Quran dan Sunnah. Tinggal lagi, ianya perlu digali sepenuhnya oleh umat Islam yang kemudiannya perlu disusun dan dipersembahkan dalam bentuk yang lebih sistematik, untuk pengamalan umat Islam.⁶⁷

7. Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat dikatakan bahawa kalangan pensyarah pengajian Islam perlu berubah daripada zon selesa ke arah mempersiapkan dan memperlengkapkan diri dengan kemahiran melakukan penyelidikan ilmiah yang bermutu tinggi. Hal ini ditegaskan bukan setakat memenuhi keperluan pembangunan ilmu umat Islam

⁶⁴Lihat kajian oleh Mohammad Aizat Bin Jamaludin (2009), "Teori Istihalah Menurut Perspektif Islam Dan Sains : Aplikasi Terhadap Beberapa Penghasilan Produk Makanan," disertasi sarjana Jabatan Fiqh & Usul, APIUM; Noor Hamiza Bt Mustapa (2009), "Hukum Hakam Berkaitan Pesakit Aids Dalam Ibadat Dan Kekeluargaan," disertasi sarjana Jabatan Fiqh & Usul, APIUM.

⁶⁵ Louay Safi (1998) , *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan : Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat*, Terj. Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur : Thinkers Library.

⁶⁶ Abdul Rahman Abdullah (2001), *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, h. 8-15.

⁶⁷ Ibrahim Abu Rabi'(1997), " Issues In Contemporary Arab Thought : Cultural Decolonization And The Challenges Of The 21st Century ", Dalam *Intellectual Discourse*, v. 5, no. 2, h. 170-173; H.M. Amin Abdullah (2004), " Paradigma Alternative Pengembangan Usul Al-Fiqh Dan Dampaknya Pada Fiqh Kontemporer ", dalam ed. Riyanto *Neo Usul Fiqh : Menuju Ijtihad Kontekstual*, Yogyakarta : Fakultas Syariah press, h. 137-138 dan Mohd Fauzi Hamat (2004), " Metod Pendalilan Al-Burhan Dalam Pemikiran Logik Dan Kepentingannya Dalam Pembangunan Ummah Berfikiran Kritis ", dalam (edit oleh Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhrudin Abd. Mukti dan Che Zarrina sa'ari) *Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, h. 51-68.

semasa, bahkan bersesuaian dengan keperluan semasa. Pihak KPT dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah menetapkan kriteria status IPTA di Malaysia bergantung sepenuhnya kepada wujudnya sesuatu penyelidikan-penerbitan ilmiah yang berimpak tinggi yang dimiliki oleh IPTA.